



11 April 2016
11 April 2016
P.U. (A) 90

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECCUALIAN) (NO. 2) 2016

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 2) ORDER 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGEQUALIAN) (NO. 2) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 2) 2016**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2016.

Pemakaian

2. Perintah ini hendaklah terpakai bagi sukuk wakala dengan nilai nominal sehingga Dolar Amerika Syarikat satu bilion dan lima ratus juta (US\$1,500,000,000.00), selain stok pinjaman boleh ubah, yang diterbitkan oleh Malaysia Sukuk Global Berhad (dahulu dikenali sebagai 1Malaysia Sukuk Global Berhad).

Pengecualian

3. (1) Menteri mengecualikan mana-mana orang daripada pembayaran cukai pendapatan dalam tempoh asas bagi setiap tahun taksiran berhubung dengan laba atau keuntungan yang diperoleh, sebagai ganti faedah, daripada sukuk wakala mengikut prinsip *Wakala*.

(2) Tiada apa-apa jua dalam subperenggan (1) boleh membebaskan atau disifatkan telah membebaskan orang itu daripada mematuhi apa-apa kehendak untuk mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau memberikan apa-apa maklumat lain di bawah Akta.

Ketidakpakaian

4. Seksyen 109 Akta tidak terpakai bagi pendapatan yang dikecualikan di bawah Perintah ini.